

**RTC pelengkap transformasi luar Bandar
Utusan Online
22 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 21 Mac - Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) merupakan pelengkap kepada program Transformasi Luar Bandar yang membawa manfaat kepada rakyat di luar bandar, kata Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal hari ini.

Melalui mekanisme RTC, satu pusat intergrasi perkhidmatan disediakan bagi manfaat penduduk sekitarnya meliputi pengumpulan, pemprosesan dan pengedaran hasil keluaran pertanian; perbankan dan insurans; khidmat nasihat perniagaan, latihan dan kemahiran; klinik serta ruang niaga.

"Syukur, kita dapat melihat kejayaan projek perintis RTC iaitu di Gopeng, Perak yang dirasmikan 18 Februari lalu sehingga mampu menarik perhatian 70,000 pengunjung pada minggu pelancaran tersebut," katanya ketika dalam Wawancara Khas dengan TV AlHijrah di sini.

RTC kedua iaitu di Wakaf Che Yeh, Kelantan dijadual akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak awal Mei ini.

Dalam wawancara tersebut, Mohd Shafie turut menyentuh soal kejayaan kementeriannya dalam Program NKRA berkaitan Infrastruktur Asas Luar Bandar tahun lalu.

"KKLW telah berjaya mencapai sasaran melebihi jangkauan antara 100.2 peratus sehingga 157 peratus dan perkara ini akan ditingkatkan lagi bagi memastikan setiap masyarakat luar bandar akan dapat menikmati kehidupan yang lebih sempurna," kata beliau.

Mohd. Shafie berkata, inisiatif Bidang NKRA mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar (RBI) telah berjaya memberi faedah kepada kehidupan hampir sejuta penduduk luar bandar.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0322&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_11.htm